Maulana Zakariyya Al-Kandahlawi رضي الله عنه, Ulama Hadis India Terkenal (wafat 1345H)

Maulana Zakariyya Al-Kandahlawi رضي الله عنه dilahirkan pada 10 Ramadhan 1315H, bertepatan dengan 12 Februari 1898, di sebuah desa bernama Kandlah di wilayah Uttar Pradesh, India, dari sebuah keluarga yang mempunyai sejarah panjang dalam pengabdian pada agama. Silsilah keluarga beliau bersambung sampai kepada sahabat besar Nabi ﷺ, Abu Bakar As-Siddiq رضي الله عنه.

Semasa kecil Zakariyya رضي الله عنه mulai belajar membaca kepada Hakim Abdur Rahman رضي الله عنه, kemudian menghafal Al-Quran di bawah bimbingan langsung sang ayah, Maulana Muhammad Yahya رضي الله عنه, seorang ulama besar yang cukup terpandang di India. Setelah itu belajar bahasa Parsi dan bahasa Arab kepada Maulana Muhammad Ilyas رضي الله عنه, pendiri gerakan Tabligh.

Pada usia 12 tahun, Maulana Zakariyya رضي الله عنه dibawa oleh sang ayah ke Madrasah Mazahirul Ulum. Di bawah bimbingan sang ayah, beliau mempelajari bahasa Arab tingkat lanjut, teks-teks klasik, nahwu, saraf dan ilmu mantiq.

Ketika menginjak usia 17 tahun, minat utamanya mulai terfokus pada bidang kajian ilmu hadis. Beliau mempelajari 5 dari 6 *kutubussittah*. Bahkan beliau sempat belajar untuk kedua kalinya kitab *Sahih Bukhari* dan *Sunan at-Tirmizi* kepada Maulana Khalil Ahmad Saharanpuri رضي الله عنه. Selama mempelajari kitab-kitab tersebut, Maulana Zakariyya رضي الله عنه selalu menjaga wudhuk.

Maulana Zakariyya رضي الله عنه memulai karier mengajarnya pada tahun 1335H, ketika beliau ditunjuk untuk mengajar di mata pelajaran nahwu, saraf dan sastera. Pada tahun 1341H, kemudian ditunjuk untuk mengajar tiga bahagian dari kitab *Sahih Bukhari* dan pada tahun 1344H ditambah lagi mengajar kitab *Mishkat al-Masabih.*

Pada tahun 1345H, beliau berkesempatan mengunjungi tanah suci. Di Madinah beliau tinggal selama 1 tahun dan selama itu mengajar *Sunan Abi Daud* di Madarasah Ulum Shar'iyyah. Di Kota Nabi ﷺ ini, Maulana mulai

menulis *Awjaz al-Masalik ila Muwatta'* Imam Malik رحمه الله, syarah kitab *Al-Muwatta'*nya Imam Malik رحمه الله, ketika itu beliau berumur 29 tahun.

Ketika kembali ke India, beliau mulai lagi mengajar kitab *Sunan Abi Daud, Sunan al-Nasai*, Al-*Muwatta* dan separuh bagian dari *Sahih Bukhari,* separuhnya lagi diajarkan oleh direktur madrasah. Setelah sang direktur wafat, tugas mengajar *Sahih Bukhari* ini diberikan seluruhnya kepada Maulana Zakariyya رحمه الله.

Selama hidup beliau, beliau telah mengajar separuh bahagian pertama dari *Sahih Bukhari* selama 25 kali, mengajar seluruh kitab tersebut selama 16 kali dan mengajar kitab *Sunan Abi Daud* sebanyak 30 kali. Karier beliau mengajar bertahan sampai tahun 1388H, ketika beliau menderita sakit mata yang tidak memungkinkan lagi untuk terus mengajar.

Kecintaan Maulana Zakariyya رحمه الله pada agama, terutama pada kajian ilmu hadits, sangat total. Total waktu yang dihabiskan beliau untuk belajar dan mengajar hadits adalah selama kurang lebih 60 tahun.

Dalam kurun waktu tersebut beliau juga telah menulis lebih dari 80 kitab yang sangat tinggi nilainya dan diakui oleh para ulama di seluruh dunia. Beberapa kitab yang beliau tulis dalam bidang kajian hadis antara lain ; *Awjaz al-Masalik ila Muwatta' Imam Malik* (syarah dari kitab *Muwatta* Imam Malik رحمه الله, terdiri dari 6 jilid), *Lami' al-Dirari 'ala Jami' al-Bukhari (*syarah dari kitab *Sahih Bukhari), Syarah Muslim (syarah Sahih Imam Muslim), Juz' Hajjat al-Wida' wa 'Umrat al-Nabi* (Berisi tentang haji dan umrah yang dilakukan oleh Rasulullah ﷺ, juga memuat tentang masalah hukum haji, lokasi, dan tempat-tempat yang pernah dilalui atau disinggahi oleh Rasuulllah ﷺ), *Khasa'il Nabawi Sharh Shama'il al-Tirmidhi* (syarah dan komentar terhadap kitab *al-Shama'il al-Muhammadiyyah* oleh Imam Tirmidzi ﷺ yang berisi tentang hadis-hadis yang berkenaan dengan peri kehidupan Nabi Muhammad ﷺ) dan beberapa kitab lainnya.

Karya beliau yang paling terkenal ialah *Fadhail Amal.* Diikuti dengan *Hayatus Sahabah.*

Maulana Zakariyya رحمه الله wafat pada 1345H.

Lebih lengkap mengenai riwayat hidup beliau boleh dibaca di buku autobiografi beliau yang ditulis dengan cara yang unik oleh beliau sendiri dengan judul “*Aap Beeti*”, yang setakat ini ada diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia dengan judul “*Autobiografi Zakariyya Al-Kandahlawi*”.

Membaca kisah belajar, mengajar, menulis, ketekunan dan semangat Maulana Zakariyya dalam pengabdiannya kepada agama, khususnya dalam ilmu hadits harusnya membuat kita menjadi malu.

Pertanyaan sederhana untuk kita, apa yang telah kita lakukan untuk memajukan agama yang kita cintai ini?

(Sumber dari blog Taman Ulama’)

Isal-e-tsawab adalah istilah yang digunakan oleh seorang sahabat dari benua Keling merujuk kepada majlis-majlis tahlil atau kenduri arwah. Kalimah tersebut membawa erti "menyampaikan pahala", yakni upacara di mana kita mendoakan agar umpama pahala apa yang kita telah kerja atau baca disampaikan Allah kepada orang lain terutama sekali arwah yang telah kembali ke rahmatullah. Inilah istilahnya yang masyhur digunakan oleh saudara-saudara kita dari kawasan sana. Jadi tidaklah amalan bertahlil dan menghadiahkan pahala kepada arwah yang telah pergi hanya diamalkan oleh orang kita sahaja. Mungkin rupa dan caranya berbeza tetapi prinsipnya serupa - menghadiahkan pahala amalan terutamanya kepada mereka-mereka yang telah kembali ke hadhrat Ilahi. Amalan ini sudah tentu mempunyai sandaran yang kuat di sisi para ulama kita, walau bagaimanapun ianya tidak terlepas dari berlakunya khilaf. Walau pun ada khilaf, kita nyatakan bahawa jumhur ulama menerimanya dan membolehkannya, jika segelintir yang "membid`ah sesatkan"nya maka biaq pi lah. Di sini aku tidak ingin membahaskan persoalan ini menurut mazhab-mazhab fiqh, tetapi hanya ingin menukilkan tulisan ulama hadits besar yang karangannya menjadi teks penting bagi satu jama`ah yang bertebaran atas muka bumi ini. Bukan apa, sebab aku lihat ada dari kalangan ahli-ahli jama`ah ini yang terpengaruh dengan dakyah golongan anti-tahlilan sehingga turut terlibat dalam usaha membid`ahsesatkan orang lain. Jika pun mereka tidak bersetuju dengan pihak yang melakukan tahlilan dan sebagainya, maka tiadalah hak bagi mereka untuk menghukum pihak yang melakukannya, kerana orang yang melakukan amalan tahlil atau isal-e-tsawab ini mempunyai sandaran mereka, kuat atau tidak sandaran tersebut maka itu persoalan ijtihadiyyah, cuma jika difikirkan dengan logika akal jika tidak kuat sandarannya maka tidaklah jumhur membolehkannya.

Syaikhul Hadits Maulana Muhammad Zakaria al-Kandahlawi ﵁, seorang ulama Hanafi dan muhaddits besar yang diberi gelaran Ra-isul Muhadditsin (Ketua Muhaddits) menulis dalam karangannya (yang diterjemah lah, yang asli bahso Urdu, idak le aku faham) berjodol "Fadhilat Sedekah" jilid 1 halaman 188 - 190 menulis:-

Hadrat Ali ibnu Musa Haddad ﵁ berkata: "Aku telah mengambil bahagian dalam satu jenazah dengan Imam Ahmad ibnu Hanbal ﵁, Muhammad ibnu Qudamah ﵁ pun turut serta. Selepas mayat dikebumikan salah seorang buta telah datang dekat kubur dan mulai membaca al-Quran. Hadrat Imam Ahmad ibnu Hanbal ﵁ telah berkata: "Bacaan al-Quran dekat kubur adalah bid`ah." Apabila kami mula kembali dari tempat perkuburan tersebut, dalam perjalanan itu Muhammad ibnu Qudamah ﵁ telah bertanya kepada Imam Ahmad ibnu Hanbal ﵁ : "Apakah pendapat anda mengenai pribadi Mubasyer Ibnu Ismail Habali ﵁ ? Imam Ahmad Hanbal ﵁ menjawab: "Yang boleh dipercayai." Ibnu Qudamah ﵁ pun telah bertanya: "Adakah anda juga mempelajari ilmu daripada beliau?" Imam menjawab: "Ya, saya telah belajar hadith daripada beliau." Ibnu Qudamah ﵁ berkata: "Mubasyer ibnu Ismail Habali ﵁ telah menceritakan kepada saya bahawa Abdur Rahman ibnu 'Ala ibnu Lajlaj ﵁ telah meriwayatkan daripada bapanya bahawa apabila beliau hampir meninggal dunia, beliau telah berwasiat agar di bahagian kepala kuburnya dibacakan ayat-ayat permulaan dan terakhir dari surah al-Baqarah dan beliau berkata juga bahawa beliau telah dengar Hadrat 'Abdullah ibnu 'Umar ﵁ berwasiat begitu." Setelah

mendengar peristiwa ini, Hadrat Imam Ahmad ibnu Hanbal ﵀ berkata kepada Muhammad ibnu Qudamah ﵀ : "Patah baliklah anda ke tanah perkuburan itu dan suruhlah si buta tadi agar dia membaca al-Quran dekat kubur."

Hadrat Muhammad ibnu Ahmad Maruji (Mirwazi) ﵀ berkata: "Aku telah dengar Imam Ahmad ibnu Hanbal ﵀ menasihati kepada manusia: "Apabila kamu menziarahi kubur hendaklah kamu membaca surah al-Fatihah, surah al-Ikhlas, surah al-Falaq dan surah an-Naas. Selepas itu sampaikan pahalanya kepada penghuni-penghuni kubur; pahalanya akan sampai kepada mereka." [Ihya]

Mughni adalah sebuah kitab mengenai hukum fekah Mazhab Hanbali yang amat dipercayai. Pengarangnya telah menyalinkan peristiwa ini dan juga riwayat-riwayat mengenainya. Telah diriwayatkan di dalam Bazlul Majhud serta sanad dari kitab Bahar bahawa selepas solat, puasa dan sedekah jikalau pahalanya disampaikan kepada sesiapa maka pahala itu akan sampai kepadanya baik dia masih hidup ataupun sudah mati.

Telah diriwayatkan di dalam kitab Abu Daud daripada Hadrat Abu Hurairah ﵁: "Adakah sesiapa yang akan mengambil tanggungjawab untuk mengerjakan dua atau empat rakaat solat (yakni sholat nafil) di Masjid Asyar (dekat Basrah) lalu akan berkata: "Pahalanya ini adalah bagi Abu Hurairah (yakni dihadiahkan pahala solatnya tadi kepada Sayyidina Abu Hurairah." [Abu Daud]

Patutlah diambil perhatian mengenai penyampaian pahala kepada arwah kaum kerabat. Sebab, di samping hak-hak mereka, selepas mati kita akan berjumpa mereka. Betapa besarnya malu akan dirasai semasa itu, kiranya tidak memberi apa-apa kepada mereka walaupun telah diambil banyak faedah daripada mereka dengan keihsanan dan harta peninggalan mereka.

Lihat ikhwah bagaimana Maulana telah berpesan agar perhatian sewajarnya diberikan untuk amalan isal-e-tsawab (dalam tradisi kita disebut "amalan bertahlil @ kenduri arwah"). Oleh itu sekali lagi aku nyatakan bahawa amatlah menghairankan jika sesetengah ahli Jama`ah Tabligh ada yang menjadi penentang kepada amalan-amalan seperti ini kerana terikut-ikut fahaman ahli bid`ah-membid`ah yang anti tahlilan. Sedarlah wahai saudara Ahli Jama`ah Tabligh, Maulana Zakaria al-Kandahlawi ﵀ yang kitab-kitab fadhailnya kamu baca sehari-hari tidak pernah membid`ah sesatkan amalan isal-e-tsawab, bahkan telah menyeru agar ianya diberi perhatian. Maka sama-samalah kita jaga amalan, warisan dan tradisi yang telah dipandang baik oleh orang-orang Islam. Janganlah diqiaskan atau disamakan amalan, warisan dan tradisi tersebut dengan amalan, warisan dan tradisi orang-orang kafir, kerana qias tersebut adalah qias baathil atau qias ma`al faariq kerana tidaklah agama Islam itu sama dengan agama kafir.

(Sumber dari blog Bahrus Shofa)